

# Harga bahan api tidak akan diturunkan

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, harga bahan api tidak akan diturunkan walaupun harga minyak mentah dunia semakin jatuh dan kini berlegar pada paras AS\$50 (RM175) setong.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak akan membuat keputusan secara tergesa-gesa sebaliknya perlu memantau pergerakan harga minyak terlebih dahulu.

Katanya, penentuan harga minyak adalah tugas yang sukar dan kerajaan tidak boleh membuat sebarang perubahan hanya berdasarkan harga minyak semasa.

"Seperti yang anda tahu, harga minyak selalunya berubah-ubah. Dalam hal ini adalah lebih baik kita berhati-hati kerana kita tidak tahu sama ada harga minyak sekarang benar-benar sudah turun dan tidak akan naik lagi atau kemungkinan akan naik semula," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan Kenam di Bank Negara Malaysia di sini, hari ini.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk menurunkan harga minyak sekira-

nya harga bahan api itu terus menyusut, beliau berkata: "Jangan bertanya soalan berbentuk spekulasi kerana kerajaan tahu mengambil langkah terbaik."

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari kenaikan harga minyak memberi kesan kepada perbelanjaan rakyat dan sentiasa mengambil kira kebajikan rakyatnya.

Harga minyak mentah yang diniagakan di New York hari ini berlegar pada paras AS\$50 setong selepas jatuh di bawah paras itu kelmarin, iaitu harga terendah sejak bulan Mei 2005 berikutan berlakunya peningkatan stok bahan berkenaan di AS.

Harga bahan api itu pernah mencatatkan harga tertinggi iaitu AS\$78 (RM273) setong pada pertengahan tahun lalu.

Pada Februari tahun lalu, kerajaan telah menaikkan harga runcit minyak petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter serta harga runcit gas petroleum cecair (LPG) sebanyak 30 sen sekilogram (kg).

Sementara itu, Perdana Menteri sekali lagi menegaskan bahawa semua projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan dibiayai melalui dana tempatan kerana kerajaan telah membuat peruntukan khusus bagi projek-projek yang akan dilaksanakan.

Um - 20/1/2007